

# **SOALAN LAZIM PROGRAM NUR@PETRA BAGI PERUSAHAAN MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA (PMKS) : UMUM**

## **1. Apa itu Program NUR@PETRA?**

Sebuah program e-Rebat yang dijenamakan semula daripada Program Sustainability Achieved Via Energy Efficiency (SAVE) yang memberi manfaat kepada pengguna domestik bagi pembelian peralatan elektrik cekap tenaga yang berlabel 4 atau 5 bintang oleh Suruhanjaya Tenaga (ST) dan kini diperluaskan merangkumi pihak industri dan komersial, termasuk perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

## **2. Apakah objektif Program NUR@PETRA?**

- Meningkatkan jumlah bilangan kelengkapan elektrik cekap tenaga bertaraf lima (5) dan empat (4) bintang di pasaran;
- Meningkatkan kesedaran orang ramai agar membeli kelengkapan cekap tenaga yang akan mengurangkan kos penjanaan tenaga melalui penjimatan tenaga;
- Menggalakkan amalan cekap tenaga dalam kalangan domestik, industri dan komersial;
- Meningkatkan tahap kecekapan tenaga yang diukur berdasarkan Malaysian Standards (MS) 1525; dan
- Menyelamatkan alam sekitar dengan pengurangan pelepasan gas rumahkaca hasil dari pengurangan penjanaan tenaga.

## **1. PEMILIK PERUSAHAAN MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA (PMKS)**

### **a) Berapa jumlah e-Rebat bagi pemilik syarikat yang menikmati e-Rebat Program NUR:PMKS?**

Pemilik syarikat yang mempunyai sijil akaun status PMKS layak mendapat **e-Rebat sehingga RM4,000** atau **bersamaan 20 unit peralatan elektrik** bagi setiap premis (e- Rebat RM200 untuk setiap pembelian penyaman udara dan peti sejuk) dengan pembelian peralatan elektrik cekap tenaga yang berlabel 4 atau 5 bintang oleh Suruhanjaya Tenaga (ST) dan Energy Commission of Sabah (ECoS). Sila rujuk syarat kriteria di **Soalan 2 b)** bagi maklumat yang lebih lanjut.

### **b) Apakah kriteria yang melayakkan saya sebagai PMKS untuk menyertai program ini?**

Untuk menyertai program ini sebagai pengguna syarikat anda mestilah,

- Syarikat mestilah berdaftar dibawah SME CORP dan mempunyai Sijil Akaun Status PMKS;
- Pengguna/pemilik akaun elektrik berdaftar (komersial) di syarikat utiliti elektrik seperti TNB, Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB), Sarawak Energy Berhad (SEB) dan Nur Power Sdn. Bhd; dan
- Maksimum RM4,000 (20 unit) e-Rebat bagi setiap PMKS.

### **c) Apakah barangan elektrik yang boleh dibeli untuk melayakkan pemilik syarikat untuk mendapat e-Rebat dibawah Program NUR:PMKS?**

Pemilik syarikat layak untuk mendapat e-Rebat sekiranya mereka membeli peralatan elektrik penyaman udara dan peti sejuk yang mempunyai label 4 & 5 bintang cekap tenaga.

**d) Adakah pengguna domestik yang telah membuat tuntutan boleh memohon e-Rebat juga sebagai pemilik syarikat bagi Program Program NUR:PMKS?**

Ya, permohonan bagi kedua-dua e-Rebat ini menggunakan tarif yang berbeza sekiranya layak.

**e) Bagaimanakah cara untuk pemilik syarikat memohon e-Rebat di bawah Program NUR:PMKS?**

**Langkah 1:** Pemilik syarikat perlu membuat pendaftaran terlebih dahulu di dalam sistem NUR dengan mengemukakan salinan dokumen-dokumen seperti berikut:

<b>Sijil Akuan Status PMKS</b>	<b>Bil Elektrik Bertarif Industri dan Komersial</b>
<b>Sijil SSM</b>	<b>Penyata Bank</b>

**Langkah 2:** Selepas pendaftaran diluluskan oleh SEDA Malaysia, pemilik syarikat boleh membuat tuntutan melalui sistem NUR dengan memberikan maklumat seperti berikut:

<b>Maklumat Produk</b>	<b>Maklumat Pembeli</b>
<b>Bukti Pembelian : (contoh)</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• Dokumen sebut harga</li><li>• Resit pembelian</li><li>• Dokumen tender</li></ul>	<b>Dokumen Sokongan yang berkaitan</b>

**f) Berapakah maksimum e-Rebat bagi pemilik syarikat yang berkecualan untuk Program NUR:PMKS?**

Setiap PMKS hanya boleh memohon e-Rebat sehingga RM4,000 (20 unit) sahaja.

**g) Apakah e-Rebat Program NUR:PMKS mempunyai kuota?**

Program ini mempunyai kuota dan berkonsepkan *first come, first served basis*.

**h) Adakah terdapat syarat yang lain untuk menyertai program ini?**

Hanya syarat yang tersenarai di **Soalan 2 b)** diperlukan untuk menyertai Program NUR:PMKS bagi pemilik syarikat.

**i) Apakah dokumen dan maklumat yang diperlukan untuk membuat tuntutan e-Rebat ini?**

Anda perlu melengkapkan dokumen permohonan dengan menyertakan sijil akaun status PMKS, bil elektrik (industri/komersial), sijil SSM dan juga Penyata Bank yang terkini. Anda disarankan untuk memberikan maklumat *person incharge* (PIC) supaya mudah untuk dihubungi.

**j) Bolehkah pemilikan e-Rebat dipindahkan atau ditukar?**

Pemilikan e-Rebat **TIDAK BOLEH** dipindahkan atau ditukar.

**k) Adakah permohonan e-Rebat Program NUR:PMKS bagi pemilik syarikat ini meliputi Sabah dan Sarawak?**

Ya, permohonan e-Rebat ini bagi pemilik syarikat adalah bagi seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.

**l) Adakah e-Rebat untuk PMKS ini boleh ditebus secara berulang kali sehingga RM4,000?**

Tidak, pemilik syarikat hanya boleh menebus secara ONE-OFF bagi setiap PMKS.

**m) Sekiranya saya membuat pembelian pada tahun 2024, adakah saya akan layak untuk membuat tuntutan e-Rebat Program NUR:PMKS?**

Hanya pembelian yang dibuat pada tahun 2025 sahaja layak untuk menebus e-Rebat bagi program ini.

**n) Bagaimanakah cara untuk saya menghubungi pegawai bagi Program NUR@PETRA jika mengalami sebarang masalah ataupun pertanyaan?**

Anda boleh menghubungi pegawai tersedia kami di SEDA Malaysia seperti berikut:

**Pasukan Khas Program NUR@PETRA**

**Bahagian Pembangunan dan Fasilitasi Teknikal**

**SEDA Malaysia**

**03-8870 5864/5922/5853/5869**

**[nur@seda.gov.my](mailto:nur@seda.gov.my)**

**[www.seda.gov.my/nur](http://www.seda.gov.my/nur)**